



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah Menghadiri Rumah Terbuka Hari Raya dan *Mini Townhall* anjuran *Mukah Digital Innovation Hub*

Penulis: Noraini Sa'ait

MUKAH, 16 April 2026 – Universiti Teknologi MARA melalui wakil daripada Unit MASMED telah menghadiri jemputan ke Majlis Rumah Terbuka Hari Raya dan *Mini Townhall* bertemakan *Bridging Communities Through Innovation and Collaboration* anjuran *Mukah Digital Innovation Hub*. Majlis yang berlangsung dalam suasana penuh mesra dan harmoni tersebut turut menghimpunkan pelbagai institusi pendidikan sekitar Mukah, agensi kerajaan, serta usahawan tempatan. Kehadiran pelbagai pihak ini menjadikan program tersebut sebagai platform yang amat bermakna untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta membina jaringan kerjasama strategik antara institusi, usahawan dan pihak *Mukah Digital Innovation Hub*.

Selain menjadi medan untuk beramah mesra sempena sambutan Aidilfitri, majlis ini turut membuka ruang kepada para jemputan untuk bertukar pandangan, berkongsi maklumat serta meneroka peluang kolaborasi yang berpotensi memberi manfaat kepada pembangunan komuniti dan ekosistem keusahawanan di Mukah. Dalam majlis tersebut, Pegawai Eksekutif *Mukah Digital Innovation Hub*, Encik Alexander Frederick Diglin, telah menyampaikan perkongsian ringkas mengenai pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan di pusat berkenaan. Beliau turut menekankan peranan Digital Innovation Hub sebagai pusat sokongan kepada pembangunan inovasi, teknologi digital dan keusahawanan dalam kalangan masyarakat setempat.

Turut berlangsung ialah sesi perkongsian daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial yang memperkenalkan pelbagai produk dan inisiatif yang disediakan bagi membantu pekerja, majikan dan usahawan dalam aspek perlindungan sosial dan pembangunan kerjaya. Penyertaan UiTM Kampus Mukah dalam program ini mencerminkan komitmen universiti untuk terus memperkukuh hubungan dengan agensi luar serta komuniti setempat, di samping meneroka peluang kerjasama yang dapat memberi impak positif kepada pembangunan pelajar dan masyarakat. Majlis Rumah Terbuka dan *Mini Townhall* anjuran *Mukah Digital Innovation Hub* ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara pelbagai pihak, malah menjadi platform penting dalam memupuk kerjasama antara institusi demi pembangunan inovasi dan keusahawanan yang lebih mampan di daerah Mukah.



Sesi Mini Townhall



Bersama jemputan dari pelbagai institusi pendidikan dan usahawan sekitar Mukah

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

